



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “INSTITUSI MASJID: MEMPERKASA PERPADUAN UMMAH”

30 September 2022 / 3 Rabiul Awwal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ<sup>1</sup>:

﴿إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ آمَنِ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾﴾

Bermaksud: Hanya sanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk. (Surah al-Taubah ayat 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala tegahan dan larangan Nya. Semoga keimanan dan ketakwaan kita terus subur dan tersemat kemas dalam jiwa dan sanubari. Harta kekayaan akan ditinggalkan, anak pinak, saudara mara, sahabat handai akan ditinggalkan, hanya ketakwaan dan amal soleh akan terus menemani kita pada saat kita kembali ke hadrat Nya yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “INSTITUSI MASJID: MEMPERKASA PERPADUAN UMMAH”

Lembaran sirah dan sejarah Islam membuktikan bahawa institusi masjid telah mengangkat martabat ummah. Ia pemangkin pembinaan masyarakat berteraskan takwa

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



dan rahmah. Pemacu keutuhan persaudaraan dan ukhuwah islamiah. Pusat ketamadunan dan keilmuan sejagat. Syiar kecemerlangan dan kegemilangan ummah zaman berzaman. Firman Allah SWT:

...لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَّطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ  
الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

Bermaksud: (Masjid Quba yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin). (Surah al Taubah ayat 108)

Masjid yang berteraskan takwa dan rahmah ialah masjid yang makmur dengan jemaahnya. Yang sarat dengan nilai persaudaraannya. Yang indah dengan kebersihan dan keceriaannya. Yang kemas dalam pengurusan dan pentadbirannya. Ia mesra belia, kanak-kanak dan segenap lapisan masyarakat. Ia pusat rujukan dalam segenap aspek kehidupan insani.

Alhamdulillah, institusi masjid di negeri ini secara amnya telah berperanan dengan baik berjaya menyampaikan pelbagai mesej kebaikan kepada masyarakat. Di samping menjadi tempat beribadat dan pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan, masjid di negeri ini juga telah memainkan peranannya sebagai pusat kegiatan komuniti, mendekati semua lapisan masyarakat, menyantuni pelbagai latar belakang ahli kariah, cakna terhadap alam sekitar, selari dengan perkembangan teknologi maklumat serta sarat dengan pelbagai program yang memberi kesan positif kepada masyarakat.

Banyak masjid berjaya menjalankan pelbagai program yang berinovasi. Masjid Bandar Universiti, Seri Iskandar dengan kecemerlangan pengurusannya, Masjid Jamik Pangkalan Hulu dengan konsep masjid dalam kebun, Masjid al-Muhajirin, Parit Buntar dan Masjid Melayu Teluk Intan dengan usaha taninya, Masjid Muhibbuddin Shah Ipoh dengan kemudahan bilik penginapan (*home stay*), Masjid Abd. Rahman Auf Taman Rapat Koperasi dengan program kemasyarakatan dan riadah merentasi kaum dan agama, Masjid Idris Iskandar Shah Sungai Rokam dilengkapi dengan pusat niaga, Masjid an-Nasriah Setiawan dengan perkhidmatan hotel kucing, Masjid Jamik Gerik dan



Masjid Jamik Bagan Serai dengan kemakmuran jemaahnya, malah banyak lagi masjid di negeri Perak yang dimakmurkan dan diimarahkan dengan pelbagai kegiatan perniagaan, pertanian, keilmuan, riadah dan kemasyarakatan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Peranan masjid perlu dikembangkan selaras dengan perkembangan semasa. Alat-alat komunikasi moden hendaklah dimanfaatkan. Strategi dakwah juga hendaklah lebih berkesan. Kaedah mendekati ahli kariah hendaklah lebih berfokus. Kajian, pemerhatian dan tinjauan perlu dilakukan bagi mengenal pasti kaedah dan strategi yang bersesuaian dengan cita rasa ahli kariah. Anak anak muda lebih tertarik dengan program ibadat yang disulam dengan aktiviti sukan dan riadah. Masjid di desa dapat menarik jemaah dengan program berbentuk kekeluargaan dan kemasyarakatan. Masjid di bandar memerlukan kepelbagaian pengisian yang bersifat semasa. Ahli Jawatankuasa kariah perlu peka terhadap keperluan masyarakat setempat, mencari kata sepakat berpandukan semangat syura dalam membuat keputusan, sempurnakanlah tanggungjawab yang diberikan dengan amanah dan bijaksana serta memanfaatkan sumber ekonomi yang boleh menambah dana seperti menjalankan aktiviti pertanian dan perniagaan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Islam amat menitik beratkan aspek perpaduan dan penyatuan ummah. Sebuah masjid diruntuhkan di zaman Rasulullah SAW iaitu masjid Dhirar lantaran menjadi punca perpecahan para sahabat Radiallahuanhum, angkara perancangan jahat golongan munafik. Institusi masjid mesti berperanan memupuk perpaduan dan persaudaraan Islam. Solat berjemaah disyariatkan dengan falsafah perpaduan yang unik. Keunggulan Masjid Nabawi yang diterajui oleh Nabi SAW menjadi contoh terbaik ke arah pemerksaan institusi masjid. Pelbagai aktiviti dijalankan di Masjid Nabawi. Majlis ilmu, dakwah dan tarbiah, mesyuarat, aktiviti ekonomi dan kebajikan, latihan persenjataan, tetamu disantuni sama ada yang Islam atau bukan Islam, golongan yang memerlukan diberi makan dan minum. Apabila tiba waktu solat, kelihatan penghuni keluar dari setiap rumah berkunjung ke masjid untuk bersolat secara berjemaah. Ketika azan dilaungkan, semua orang akan berhenti berniaga, pembeli akan berhenti membeli, dan petani akan segera meninggalkan kebunnya, berjalan menuju ke Masjid Nabawi. Suasana yang begitu mengagumkan, menggambarkan kemantapan dan keunggulan perpaduan Islam.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Institusi masjid hendaklah bebas daripada sebarang unsur perpecahan dan perbalahan. Pertelingkahan dan persengketaan yang berpunca daripada perbezaan ideologi politik kepartian wajib dielakkan. Politik dan politik kepartian dua elemen yang berbeza. Politik, pentadbiran, kepimpinan dan siasah ialah sebahagian daripada cabang ilmu pengetahuan. Ini berbeza dengan politik kepartian yang lebih mirip mengundang perbalahan dan perselisihan dalam usaha mahu mendapatkan pengaruh dan sokongan. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan dalam perkarangan masjid hendaklah memberikan manfaat yang menyeluruh kepada ahli kariah, membina minda dan budaya masyarakat yang bersatu padu dalam semangat ukhuwah dan persaudaraan yang luhur, bebas daripada pengaruh politik kepartian yang boleh mencetuskan bibit perpecahan.

Mimbar menyeru Muslimin kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Institusi masjid hendaklah berperanan seperti pada zaman Nabi SAW diisi dengan pelbagai kegiatan ilmu, kemasyarakatan dan kemanusiaan yang berjaya mengangkat martabat ummah.

**Kedua:** Perpaduan ummah diperkasa melalui pelbagai kegiatan dan program yang dianjurkan oleh masjid.

**Ketiga:** Bibit perpecahan perlu dihindari dalam program- program yang dianjurkan oleh pihak masjid.

**Keempat:** Memperkenalkan dan menggalakkan kegiatan-kegiatan yang dapat membantu membangunkan dan memakmurkan ekonomi ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukanlah pintu hati kami untuk beristiqamah dalam membantu memperkasa institusi masjid dan seterusnya memelihara perpaduan dan persaudaraan sesama kami, demi kebaikan dan kemaslahatan umat muslimin keseluruhannya.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.